

Tiada perhimpunan, perarakan di Dataran Merdeka

Kuala Lumpur: Kehadiran ramai pegawai dan anggota penguat kuasa dilihat membuat kawalan keselamatan di sekitar pusat bandar raya susulan penganjuran perhimpunan yang dirancang diadakan di Dataran Merdeka di sini, semalam.

Tinjauan wartawan Metro Ahad di Dataran Merdeka mendapati pihak berkuasa mula menutup laluan di sekitar kawasan ini bermula jam 9 pagi.

Terdapat beberapa agensi penguatkuasaan lain turut kelihatan di sekitar Dataran Merdeka termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) selain polis.

Kawalan keselamatan dilakukan polis tidak terhad kepada penutupan jalan, malah termasuk pemantauan secara udara menggunakan helikopter.

Selain itu, terdapat pagar besi setinggi lebih satu meter turut dipasang di sepanjang laluan masuk Dataran Merdeka.

Setakat jam 9 pagi semalam, tiada kelihatan mana-mana individu yang dipercayai berkumpul untuk menyertai perhimpunan.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan Mahkamah Majistret di sini, kelmarin mengeluarkan perintah larangan sebarang perarakan da-

ri Kompleks Sogo dan Masjid Jamek termasuk kawasan dalam radius satu kilometer serta perhimpunan di Dataran Merdeka, semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim dilaporkan memberi amaran dan melarang semua pihak daripada hadir, berada atau mengambil bahagian dalam perarakan mahupun perhimpunan itu yang jelas melanggar prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Selain itu, 88 laluan di sekitar ibu kota dilencongkan berikutan ura-ura berlaku perarakan dan penganjuran perhimpunan tidak sah, semalam.



KEHADIRAN pihak berkuasa di sekitar Dataran Merdeka, Kuala Lumpur susulan penganjuran perhimpunan dirancang diadakan, semalam.